

Bil. S 37

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah di bawah Bab 83(3))**

**PERINTAH DARURAT (PERNIAGAAN MENUKAR WANG DAN  
KIRIMAN WANG), 1994**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut :-

- |  |   |
|--|---|
| 1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Perniagaan Menukar Wang dan Kiriman Wang), 1994 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Januari, 1995. | <b>Gelaran<br/>dan permulaan<br/>kuatkuasa.</b> |
| 2. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain -   | <b>Tafsiran.</b>                                |

"Pihak Berkuasa" bermakna Menteri Kewangan ;

"lesen" bermakna suatu lesen penukar wang atau suatu lesen kiriman wang, mengikut mana yang berkenaan, yang diberikan di bawah Perintah ini ;

"lesen penukar wang" bermakna suatu lesen yang diberikan di bawah Perintah ini yang memberi kuasa kepada pemegangnya untuk menjalankan perniagaan menukar wang ;

"Perniagaan menukar wang" bermakna perniagaan membeli atau menjual wang kertas asing ;

"perniagaan kiriman wang" bermakna perniagaan menerima wang bagi maksud mengirimkannya kepada orang-orang yang bermastautin di negara lain ;

"lesen kiriman wang" bermakna suatu lesen yang diberikan di bawah Perintah ini yang memberi kuasa kepada pemegangnya untuk menjalankan perniagaan kiriman wang.

(2) Bagi maksud-maksud Perintah ini, seseorang hendaklah dianggap sebagai menjalankan perniagaan menukar wang jika dia -

- (a) mengiklankan bahawa dia bersedia untuk membeli atau menjual wang kertas asing ; atau
- (b) menawarkan untuk membeli atau menjual wang kertas asing.

- Bidang Perintah ini.**
3. Perintah ini hendaklah tidak ditafsirkan sebagai menghendaki mana-mana orang yang menerima wang kertas asing daripada seseorang pelanggan atau klien atas pembayaran barang-barang yang dijual atau perkhidmatan yang diberikan olehnya supaya mendapatkan suatu lesen penukar wang.
- Pihak Berkuasa bertanggung-jawab terhadap pentadbiran Perintah ini.**
4. Pihak berkuasa hendaklah bertanggungjawab terhadap pentadbiran Perintah ini dan boleh memberi kuasa kepada mana-mana pegawai awam untuk menjalankan sebarang kuasa dan melaksanakan sebarang kewajipan atau tugas Pihak Berkuasa di bawah Perintah ini.
- Orang-orang yang menjalankan perniagaan menukar wang hendaklah dilesenkan.**
5. (1) Tiada sesiapapun boleh menjalankan sebarang perniagaan menukar wang melainkan jika dia memiliki suatu lesen penukar wang yang sah.
- (2) Seseorang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Orang-orang yang menjalankan perniagaan kiriman wang hendaklah dilesenkan.**
6. (1) Tiada sesiapapun boleh menjalankan sebarang perniagaan kiriman wang melainkan jika dia memiliki suatu lesen kiriman wang yang sah.
- (2) Seseorang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Permohonan bagi mendapatkan lesen.**
7. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah membuat suatu permohonan kepada Pihak Berkuasa dalam borang sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pihak Berkuasa.
- (2) Apabila menerima suatu permohonan di bawah ceraian (1), Pihak Berkuasa hendaklah menimbangkan permohonan itu dan boleh memberi suatu lesen dengan atau tanpa syarat atau enggan memberi suatu lesen tanpa menyatakan sebarang sebabnya.
- (3) Dalam menimbangkan sebarang permohonan oleh seseorang bagi mendapatkan suatu lesen Pihak Berkuasa boleh menghendaki supaya dipenuhi tentang -
- (a) watak baik pemohon atau, jika pemohon adalah suatu syarikat, ciri am pengurusan syarikat itu ;
  - (b) keadaan kewangan pemohon ; atau
  - (c) sama ada kepentingan awam dapat disempurnakan dengan pemberian suatu lesen.

- (4) Pihak Berkuasa boleh pada bila-bila masa mengubah atau membatalkan sebarang syarat yang sedia ada suatu lesen atau mengenakan syarat-syarat baru.
8. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah membayar bayaran lesen sebagaimana yang mungkin ditetapkan. **Bayaran lesen.**
9. Suatu lesen hendaklah berkuatkuasa selama suatu tempoh sebagaimana yang ,mungkin ditentukan oleh Pihak Berkuasa dan boleh diperbaharui atas budi bicara Pihak Berkuasa apabila tamat tempohnya. **Tempoh lesen berkuatkuasa.**
10. (1) Pihak Berkuasa boleh, dengan perintah, membatalkan suatu lesen jika berpuas hati bahawa pemegang lesen - **Pembatalan suatu lesen.**
- (a) telah berhenti menjalankan perniagaan di mana dia telah dilesenkan atau, jika pemegang lesen adalah suatu syarikat, diletakkan dalam penyelesaian hutang-piutang atau digulung ataupun dengan cara lain dibubarkan ;
  - (b) melanggar atau telah melanggar sebarang peruntukan Perintah ini ;
  - (c) telah gagal mematuhi atau menuruti sebarang syarat lesennya ;
  - (d) telah membuat suatu pernyataan palsu atau tidak betul dalam permohonannya bagi mendapatkan suatu lesen ;
  - (e) telah menjalankan atau sedang menjalankan perniagaan secara yang mungkin memudaratkan kepentingan awam atau pelanggan-pelanggannya ; atau
  - (f) telah disabitkan atas sebarang kesalahan yang melibatkan ketidakjujuran atau keburukan akhlak atau, jika pemegang lesen adalah suatu syarikat, mananya pegawainya yang memegang suatu jawatan pengurusan atau eksekutif telah disabitkan atas sebarang kesalahan yang melibatkan tipuan atau keburukan akhlak.
- (2) Pihak Berkuasa hendaklah, sebelum membatalkan sebarang lesen di bawah ceraian (1), memberi kepada pemegang lesen notis secara bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian, dengan menyatakan suatu tarikh, tidak kurang dari 30 hari selepas tarikh notis itu, selepas itu pembatalan tersebut hendaklah berkuatkuasa dan meminta orang berkenaan untuk menunjukkan sebab kepada Pihak Berkuasa mengapa lesen itu tidak seharusnya dibatalkan.

(3) Apabila Pihak Berkuasa telah membatalkan suatu lesen di bawah ceraian (1), dia hendaklah dengan serta-merta memberitahu pemegang lesen dengan notis secara bertulis mengenai pembatalan tersebut.

(4) Pemegang lesen boleh, dalam masa 30 hari dari menerima notis yang disebutkan dalam ceraian (3), atau dalam suatu tempoh masa yang dilanjutkan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi, membuat rayuan terhadap pembatalan tersebut kepada Mahkamah Tinggi, yang boleh membuat perintah mengenainya sebagaimana yang difikirkannya patut, termasuk sebarang arahan tentang kos rayuan itu.

(5) Suatu perintah pembatalan hendaklah tidak berkuatkuasa sehingga tamat tempoh 30 hari selepas perintah itu disampaikan kepada pemegang lesen.

(6) Jika dalam tempoh tersebut pemegang lesen memberi notis rayuan yang sewajarnya kepada Mahkamah Tinggi perintah itu hendaklah tidak berkuatkuasa melainkan jika perintah itu disahkan oleh atau rayuan itu kerana sebarang sebab ditolak oleh Mahkamah Tinggi atau rayuan itu ditarik balik.

Kesan pembatalan.

11. (1) Jika suatu perintah pembatalan berkuatkuasa di bawah bab 10, pemegang lesen hendaklah berhenti menjalankan perniagaan menukar wang atau kiriman wang, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Ceraian (1) hendaklah tidak menyentuh penguatkuasaan oleh mana-mana orang akan sebarang hak atau tuntutan terhadap pemegang lesen atau penguatkuasaan oleh pemegang lesen akan sebarang hak atau tuntutan terhadap mana-mana orang yang berbangkit dari atau memgenai sebarang perkara atau hal yang dilakukan sebelum pembatalan lesen itu.

Kuasa-kuasa untuk menyiasat.

12. (1) Mana-mana orang yang sempurna diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa untuk bertindak bagi pihaknya boleh pada bila-bila masa yang menasabah memasuki sebarang bangunan di mana seseorang pemegang lesen menjalankan perniagaan, atau sebarang bangunan di mana dia dengan menasabah mengesyaki sebarang perniagaan sedang dijalankan dengan melanggar Perintah ini, dan boleh memeriksa bangunan itu dan sebarang buku atau dokumen di dalam bangunan tersebut yang dikehendaki dengan menasabah untuk diperiksa olehnya bagi maksud menentukan sama ada suatu pelanggaran Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya dilakukan atau telah dilakukan.

(2) Mana-mana orang yang –

- (a) tanpa alasan yang menasabah tidak membenarkan masuk mana-mana orang yang meminta kebenaran untuk memasuki bangunan itu menurut ceraian (1) ;

- (b) apabila dikehendaki oleh seseorang yang disebutkan dalam ceraian (1) untuk berbuat demikian, tanpa alasan yang menasabah tidak membenarkan orang itu untuk memeriksa bangunan tersebut ; atau
- (c) apabila dikehendaki oleh seseorang yang disebutkan dalam ceraian (1) untuk mengemukakan sebarang buku atau dokumen yang ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya dan yang dikehendaki dengan menasabah untuk diperiksa oleh orang itu bagi mak-sud yang dinyatakan dalam ceraian (1), tanpa alasan yang menasabah tidak mengemukannya kepadanya dan membenarkannya untuk mengambil salinan-salinan atau sebarang catatan di dalamnya ,

adalah melakukan kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000.

13. Dalam masa suatu penyiasatan di bawah bab 12, mana-mana orang yang disyaki telah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini enggan memberi nama dan alamatnya atau yang memberi suatu nama dan alamat yang penyiasat mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu maka tertuduh adalah melakukan kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda sebanyak \$5,000.

**Kesalahan dalam masa penyiasatan.**

14. (1) Jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini telah dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa berlakunya kesalahan itu adalah seorang pengarah, setiausaha, pengurus atau pegawai lain syarikat itu atau yang dikatakan bertindak atas sebarang kedudukan tersebut boleh diambil tindakan dan dihukum dengan sewajarnya melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan usaha untuk mengelakkan berlakunya kesalahan itu yang sepatutnya dijalankan olehnya dengan memberi perhatian kepada jenis tugasnya atas kedudukan tersebut dan semua hal keadaan.

**Liabiliti pengarah, rakan kongsi, dsb.**

(2) Mana-mana orang yang mungkin telah melakukan suatu kesalahan jika apa-apa juga telah dilakukan atau tidak dilakukan olehnya sendiri adalah melakukan kesalahan itu dan hendaklah dikenakan hukuman yang sama jika perkara itu telah dilakukan atau tidak dilakukan oleh rakan kongsi, agen atau pekerjanya semasa menjalankan perniagaan perkongsianya atau dalam masa pengajian-nya, mengikut mana yang berkenaan, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau per-setujuannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang menasabah untuk mengelakkan perkara itu dilakukan atau tidak dilakukan.

(3) Tiada sebarang apapun dalam ceraian (2) boleh melepaskan mana-mana rakan kongsi, agen atau pekerja dari sebarang liabiliti kerana sebarang kesalahan.

**Penyampaian perintah, dsb.** 15. Suatu notis yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Perintah ini untuk diberikan kepada mana-mana orang boleh -

- (a) diserahkan kepada orang itu ;
- (b) ditinggalkan di tempat kediaman atau tempat perniagaan orang itu ; dan
- (c) dihantar dengan pos berdaftar kepada alamat orang itu yang terakhir diketahui.

**Perjalanan prosiding.** 16. Prosiding berkaitan dengan sebarang kesalahan di bawah Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya boleh dijalankan oleh mana-mana pegawai awam Pihak Berkuasa yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Pihak Berkuasa.

**Tanggung rugi.** 17. Pihak Berkuasa dan juga mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa tidaklah tertakluk kepada sebarang tindakan, tuntutan atau permintaan oleh atau liabiliti terhadap mana-mana orang berkaitan dengan sebarang perkara yang dilakukan atau tidak dilakukan dengan suci hati menurut atau dalam melaksanakan atau cadangan hendaklah melaksanakan sebarang kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa oleh Perintah ini.

**Peraturan-peraturan.** 18. (1) Pihak Berkuasa boleh, dari masa ke semasa, membuat peraturan-peraturan bagi, atau berkaitan dengan, setiap maksud yang dianggapnya perlu bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Perintah ini dan bagi menetapkan sebarang perkara yang dibenarkan atau dikehendaki di bawah Perintah ini untuk ditetapkan demikian.

(2) Tanpa menyentuh keluasan makna ceraian (1), Pihak Berkuasa boleh dengan peraturan-peraturan itu -

- (a) menetapkan bayaran yang akan dikenakan di bawah Perintah ini ; dan
- (b) mengawalselia perjalanan perniagaan menukar wang dan kiriman wang oleh orang-orang yang memegang lesen yang diberikan di bawah Perintah ini.

**Pengecualian.** 19. (1) Perintah ini hendaklah tidak dikenakan kepada sebarang syarikat yang mempunyai suatu lesen yang sah yang diberikan di bawah Akta Syarikat-Syarikat Kewangan, Akta Bank, Akta Kawalan Pertukaran Matawang, Perintah Darurat (Bank Islam), 1992 dan Perintah Darurat (Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei), 1991.

Penggal 89  
Penggal 95  
Penggal 141

(2) Pihak Berkuasa boleh, dengan kenyataan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengecualikan mana-mana orang atau kategori orang daripada peruntukan-peruntukan Perintah ini.

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan November, 1994, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.